

03 JUN 2002

Keganasan-Alatas/I

DEFINISI KEGANASAN DR MAHATHIR HARUS DITERIMA SEMUA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Bekas menteri luar Indonesia Ali Alatas berkata dunia patut memberi perhatian kepada definisi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai keganasan.

"Dr Mahathir cukup berani untuk menyuarakan satu definisi. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan kumpulan Asean (sendiri) tidak dapat mencapai satu konsensus," katanya pada acara sampingan mesyuarat meja bulat Asia Pasifik ke-16 di sini hari ini.

Alatas, yang merupakan menteri luar Indonesia selama 11 tahun sehingga 1999, berkata Dr Mahathir telah secara jelas mendefinisikan keganasan dan siapa yang patut dianggap penganas.

Definisi Dr Mahathir mengenai keganasan malahan disambut baik oleh Amerika Syarikat, katanya.

Beliau berkata jika dunia mahu keluar daripada dilema yang dihadapinya berhubung keganasan, maka perlu ada satu definisi jelas gejala itu.

Beliau berkata dunia tidak mampu mencapai satu konsensus mengenai definisi itu kerana pendapat yang berbeza antara negara maju dan membangun.

Dr Mahathir telah antara lain menyatakan bahawa perbuatan meletupkan bom di tempat awam dan membunuh orang awam yang tidak berdosa atau menjadikan manusia tebusan dan perisai hendaklah dikutuk sebagai tindakan keganasan dan sesiapa yang melakukan perbuatan sedemikian atas apajua tujuan patut dianggap penganas.

Alatas merupakan pengerusi bersama sidang pleno mengenai "Apa itu Keganasan?, Siapakah Seorang Penganas? dan Kenapa Keganasan? pada mesyuarat itu.

-- BERNAMA

DC MFJ RON